



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;  
PENYATUAN DAN  
PERPADUAN UMMAH



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "PENYATUAN DAN PERPADUAN UMMAH". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian, marilah bersama-sama kita memperkasakan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kejayaan didunia dan akhirat.</p>	5
<p>Khutbah pada hari ini akan membicarakan satu tajuk iaitu "<b>PENYATUAN DAN PERPADUAN UMMAH.</b>"</p>	6



Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, penyatuan dan perpaduan ummah dilihat suatu penyatuan yang menyeluruh tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan budaya demi kestabilan dan keharmonian negara. Dalam proses hidup bermasyarakat kita tidak dapat lari dari berinteraksi dan bergaul dengan komuniti dan masyarakat yang pelbagai agama dan bangsa. Bahkan, ia merupakan suatu tanggungjawab akhlak dan kepribadian Muslim untuk berdakwah dan mempromosikan hubungan baik kepada yang bukan Islam.

7

Hadis daripada Sahl bin Saad Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada Saidina Ali Radiallahuanhu ketika mengutuskannya ke Khaibar dan memerintahkannya menyeru orang-orang Yahudi kepada ajaran Islam:

8

فَوَاللَّهِ لَأَنَّ اللَّهَ يَهْدِي اللَّهُ بِكَ رَجُلًا وَاحِدًا، خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ يَكُونَ لَكَ حُمْرُ

النَّعَمِ

*"Demi Allah, sesungguhnya Allah memberi hidayah kepada seorang lelaki melalui tanganmu adalah lebih baik bagimu daripada unta merah (harta paling berharga dan bernilai ketika itu).*

9

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim.)*

Ini juga bertepatan dengan seruan Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang telah dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

*"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kalian daripada kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kalian dalam pelbagai bangsa dan bersuku-suku, supaya kalian saling berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain).*

10



*Sesungguhnya, semulia-mulia manusia dalam kalangan kalian di sisi Allah ialah orang yang lebih bertakwa antara kalian, (bukan yang lebih dari sudut keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."*

11

Antara inti pati hikmah kandungan surah al-hujurat ayat ke-13, Allah SWT menjadikan manusia di atas muka bumi ini terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan serta menganut pelbagai agama dan budaya. Justeru, dalam kehidupan bermasyarakat, kita tidak perlu membezakan seseorang kerana berlainan agama dan bangsa. Allah menciptakan manusia berbeza-beza agar kita saling kenal mengenal dan saling menghargai antara satu sama lain. Bahkan kita dilarang untuk membenci, menghina dan menghamburkan kata-kata kesat terhadap orang lain kerana alasan berbeza agama dan bangsa.

12

Sejarah pembentukan Negara Madinah membuktikan bahawa Islam berjaya mengurus masyarakat majmuk sehingga membawa kekuatan kepada Madinah. Perbezaan agama, kepercayaan, warna kulit, suku kaum, adat resam dan budaya dapat ditangani dengan bijaksana oleh Baginda SAW. Nabi Muhammad SAW selaku ketua negara telah menggubal Piagam Madinah yang bertujuan membina hubungan baik dalam masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum, suku dan puak seperti kaum Arab terdiri daripada suku Aus dan Khazraj yang merupakan imigran dari Arab Selatan serta suku Arab lain pula menetap di Madinah.

13



Namun begitu, tidak dinafikan kadangkala dalam setiap perhubungan dan urusan kehidupan wujud sifat perbezaan terhadap sesuatu perkara atau isu, lebih-lebih lagi melibatkan perbezaan ideologi. Ia seterusnya boleh mencetuskan dan mengheret kita ke lembah perselisihan dan perkauman sempit tanpa kesudahan. Oleh itu, perbezaan ideologi perlu diurus dengan baik dan lebih matang agar tidak berlaku permusuhan dan ketegangan kaum dalam masyarakat setempat. Oleh itu, marilah kita kembali kepada penyatuan dan perpaduan ummah demi kelangsungan pembangunan modal insan di negara kita dapat diperkukuhkan.

14

Begitu juga, dalam mengukuhkan perpaduan pelbagai bangsa di negara kita, senario mentaliti fahaman perkauman sempit perlu dikikis dan dihindarkan dalam kerangka masyarakat majmuk di Malaysia. Ini kerana, situasi ini merugikan negara dan generasi akan datang. Asas kestabilan dan kemakmuran negara perlu disemai agar pembentukan negara jauh dari perpecahan yang membawa kepada kelemahan tadbir urus negara. Oleh itu, pimpinan umat perlu mencari ramuan terbaik untuk terus menonjolkan agenda kebersamaan dan kesatuan umat. Acuan ini dapat dilihat dengan pembentukan Negara Madinah terdiri daripada kepelbagaian masyarakat majmuk yang memerlukan sebuah kontrak sosial untuk membina hubungan yang baik dalam masyarakat. Oleh itu, Baginda SAW menggariskan beberapa perkara yang perlu diberi keutamaan dengan hak dan tanggungjawab masyarakat Islam serta penduduk tempatan Madinah, persefahaman dengan masyarakat bukan Islam terutama kaum Yahudi dan penyusunan sistem politik. Sehubungan itu,

15



bermula dari hari ini usaha-usaha kearah kesatuan ummah perlu disemai dan dibajai bagi membina semangat masyarakat majmuk yang harmoni. Namun begitu, pada asasnya tidak dinafikan terdapat jalan sukar penuh onak dan duri dalam usaha untuk membangunkan agenda penyatuan dan perpaduan ummah. Penyelesaiannya dapat dilihat dengan usaha tolak ansur dan mengambil kira pertimbangan situasi semasa untuk mencari jalan penyelesaian terbaik kepada kemelut yang melanda umat pada hari ini.

16

Marilah bersama-sama kita memperkasakan agenda penyatuan dan perpaduan ummah dengan mencari titik permulaan dan persamaan dalam isu-isu yang boleh mencetuskan kepada perselisihan demi menjaga kestabilan dan keharmonian negara. Mudah-mudahan hasrat kesatuan ummah ini akan menjadi benteng yang utuh bagi memertabatkan kebersamaan dan kemakmuran lantas mengangkat negara ke suatu tahap pencapaian yang lebih tinggi. Penyatuan dan perpaduan ummah ini menjadi kesinambungan misi utama dakwah yang diperjuangkan oleh Rasulullah SAW ketika berada di Madinah.

17

Kejayaan Rasulullah SAW membangunkan Negara Madinah yang mempunyai masyarakat majmuk merupakan peristiwa yang bersejarah dan menjadi model ikutan ummah dalam sejarah perkembangan ketamadunan Islam. Usaha yang dijalankan oleh Rasulullah SAW bukanlah suatu usaha yang mudah, ia memerlukan pengorbanan dan kesungguhan jiwa, saling bertoleransi dan memupuk sifat sabar yang tinggi biar pun hasil kemakmuran dan keharmoniangannya dapat dilihat seribu tahun lagi.

18



Perlu kita ketahui bahawa perpaduan yang berunsurkan kezaliman adalah salah dan haram di sisi ajaran Islam. Sebaliknya, perpaduan dan kerjasama atas dasar kebaikan, islah dan keadilan untuk kestabilan negara adalah yang perlu diusahakan. Sudah tentu kesan penyatuan dan perpaduan ummah ini sangat besar kepada masyarakat dan umat. Ia menjadi inspirasi dan kekuatan dalam jati diri kehidupan individu dan komuniti serta dapat menyemai perpaduan dan keharmonian negara.

19

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah ini adalah:

1. Islam adalah agama yang mengajak kepada penyatuan dan perpaduan ummah meskipun berbeza agama, fahaman dan budaya.
2. Para pemimpin hendaklah bertanggungjawab memastikan penyatuan dan perpaduan ummah terlaksana dan terpelihara.
3. Negara akan menjadi kucar kacir hingga musnah dan hancur sekiranya tiada lagi perpaduan dan penyatuan ummah terlaksana.

20

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ  
يُخْرِجُواكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
الْمُقْسِطِينَ

21



"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil."

22

(al-Mumtahanah : 8).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

23

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

24



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُبُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22